

30/10/2001

Tindakan Pas tidak bertanggungjawab: Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan langkah kerajaan Pas Terengganu meluluskan kawasan hutan simpan kekal untuk mendapatkan balak adalah tindakan tidak bertanggungjawab.

"Inilah masalah bila kita ada kerajaan negeri yang mempunyai kuasa terhadap perkara ini (hutan), mereka tidak bertanggungjawab. Mereka lebihutamakan pendapatan peniaga dan sebagainya.

"Dengan itu banyaklah kerosakan yang berlaku kerana mereka tidak ada kawalan sama sekali," katanya sambil menambah, kerajaan Pas lebih mengutamakan pendapatan perniagaan sehingga banyak kerosakan berlaku tanpa usaha mengawalinya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara Membangun di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan Berita Harian hari ini mengenai kerajaan Terengganu yang didakwa terus rakus memusnahkan hutan simpan kekal bagi mendapatkan balak, termasuk 4,000 hektar di Sungai Paka, Mukim Besol, Dungun.

Itu tidak termasuk beribu-ribu hektar lagi kawasan balak yang sudah dilulus atau dianugerahkan untuk diagihkan kepada kroni Pas di beberapa kawasan lain di negeri itu.

Laporan yang memetik umno.online itu mendedahkan, kerajaan Pas Terengganu turut meluluskan kawasan balak di kawasan Hutan Simpan Kekal kepada syarikat milik mereka yang rapat dengan pucuk pimpinan parti itu.

Dr Mahathir berkata, jika ada pembalakan sekalipun, pihak terbabit hendaklah memastikan jumlah balak yang ditebang dihadkan, bukan menggondolkan kawasan hutan.

"Kita tentukan kalau ada pembalakan pun, dalam satu ekar tanah kita tak bagi potong lebih enam atau lapan pokok. Tetapi setengah itu, "bersih" (digondolkan), dia buang semua. Cuci mangkuk itu boleh, tetapi tinggallah juga," katanya.

Mengenai tindakan kerajaan Terengganu menganugerahkan kawasan konsesi balak kepada syarikat milik mereka yang rapat dengan pemimpin Pas, Perdana Menteri berkata tindakan itu memang diketahui oleh Kerajaan Pusat.

"Yang itu memanglah kita tahu. Tak tahulah sama ada salah atau tak salah, tapi dia bagi kat orang dia sahajalah," katanya.

Laporan itu juga menyebut majlis mesyuarat kerajaan negeri pimpinan Pas yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, bersetuju meluluskan secara dasar permohonan sebuah syarikat yang ada kaitan dengan pemimpin Pas pada 15 November tahun lalu iaitu kira-kira tujuh bulan selepas syarikat itu didaftarkan.

Mesyuarat itu dikatakan memutuskan supaya Pengarah Perhutanan Negeri mengambil tindakan untuk membatalkan warta kawasan hutan simpan kekal berkenaan.

Seorang Exco Kanan Kerajaan Negeri pada 22 September lalu dilaporkan mengakui kelulusan kawasan balak itu dibuat dengan alasan menjalankan projek perladangan kelapa sawit dan ternakan lembu.

(END)